



**KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN  
SUMBER ASLI**

**TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YB DR. XAVIER JAYAKUMAR  
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

**SEMPENA MAJLIS PELANCARAN  
“ALIRAN KUMBAHAN PERTAMA PROJEK PEMBETUNGAN  
LANGAT”**

**3 OKTOBER 2019**

**SALUTATION** (tertakluk kepada pengesahan kehadiran)

Salam Sejahtera Dan Salam Transformasi

Terima kasih Saudari Pengerusi Majlis

**Yang Berusaha Ir. Syed Jaafar Aidid bin Syed Abdyllah Aidid**

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Pembedungan;

**Yang Berusaha Puan Azizah Binti Ariffin**

Timbalan Ketua Setiausaha (Air dan Pembedungan)

Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli;

**Yang Berbahagia Datuk TPr. Nizam Bin Sahari**

Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan, Majlis Perbandaran  
Kajang

**Yang Berbahagia Dato' Sri Che Khalib Mohamad Noh**

Pengarah Urusan, MMC Corporation Berhad

**Yang Berusaha Ir Haji Zulemly bin Shaari**

Pengarah Projek Perunding Pengurusan Projek (PMC)

Ketua-Ketua Jabatan;

Dif-Dif Jemputan; dan

Para hadirin serta pihak media.

1. Pertama sekali, terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk bersama-sama dalam Majlis Aliran Kumbahan Pertama, Projek Pembedungan Langat pada pagi ini.
2. Menyentuh soal perkhidmatan pembedungan dan pengurusan sisa kumbahan, dinamikanya telah berubah seiring dengan pembangunan negara yang pesat. Fokus diberikan terhadap usaha untuk meningkatkan lagi keberkesanan perkhidmatan pembedungan di negara ini.
3. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 dan Ke-11, sejumlah RM 1.5 billion telah diperuntukkan untuk program mempertingkatkan mutu perkhidmatan pembedungan bagi kawasan tadahan pembedungan Langat sejumlah 77 kilometer persegi yang merangkumi kawasan Cheras Jaya, Cheras Batu 11, Kajang 1 dan Kajang 3.
4. Dengan pembinaan Loji Rawatan Kumbahan Berpusat Langat yang hanya menggunakan keluasan 7.3 hektar, telah berjaya memproses air kumbahan sehingga 3 kali ganda lantas dapat mengurangkan *carbon footprint* dengan mengadapatasi teknologi Jepun iaitu *Deep Aeration Method*. Berganding dengan teknologi *Step-Feed Multi Stage De-Nitrification*, ia mampu meningkatkan tahap penyingkiran ammonia dan nitrogen sehingga 80% mengikut had parameter efluen Piawaian A Kategori 1 seperti mana yang tertera dalam Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 oleh Jabatan Alam Sekitar. Ini bermakna air yang dirawat menjadi lebih berkualiti sebelum dilepaskan ke Sungai Langat dan menyumbang ke arah sungai yang

lebih bersih, bebas pencemaran serta dapat mengelakkan gangguan bekalan air kepada penduduk.

5. Apabila siapnya projek ini, ianya mampu menampung keperluan rawatan kumbahan sebanyak 920,000 penduduk setara atau bersamaan dengan 207 MLD (Mega Liter / Day) bagi tempoh 20-30 tahun yang akan datang.
  
6. **Loji inilah juga akan menggantikan 232 loji-loji rawatan kumbahan kecil sedia ada di kawasan Cheras-Kajang yang sudah uzur dan kurang efisien** di mana ianya mampu menghasilkan kualiti efluen yang setaraf dengan Piawaian A Kategori 1 seperti mana yang tertera dalam Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009. Ianya juga dilihat sebagai salah satu ikon bagi kawasan Kajang di mana fasiliti sukan seperti gelanggang futsal, gelanggang bola keranjang serta pusat komuniti akan dibuka kepada orang ramai dalam masa terdekat.

Sidang Hadirin Sekalian,

7. Pihak kerajaan amat berharap dengan pelaksanaan projek ini bertindak sebagai model teladan dalam sektor pembetungan kerana ia menyediakan kitaran air yang ideal yang akan membuka jalan untuk penyepaduan yang lebih mudah bagi sektor pembetungan dan air. Penggunaan teknologi hijau di loji ini seperti penjanaan tenaga solar dan biogas, penggunaan semula air terawat dan penadahan air hujan dijangka akan membantu aktiviti penyelenggaraan di samping mengurangkan kos operasi dalam jangka masa panjang.

8. Sememangnya **konsep regionalisasi dalam projek pembedungan adalah penyelesaian jangka panjang bagi memastikan sumber air terjaga di samping mengurangkan punca pencemaran.** Kacau ganggu yang dihadapi oleh penduduk sekitar adalah secara sementara kerana pembinaan infrastruktur pembedungan yang sedang berjalan adalah sebagai persediaan untuk pembangunan pesat di kawasan ini pada masa akan datang.
9. Jabatan Perkhidmatan Pembedungan selaku agensi pelaksana bagi projek ini telah diberi amanat untuk memastikan kelancaran projek serta pematuhan kepada undang-undang dan garis panduan keselamatan dan kesihatan di tapak pembinaan. Saya dimaklumkan bahawa projek ini telahpun berjaya mencapai 9 juta jam bekerja tanpa kecederaan sejak Disember 2018 yang lalu dan ianya merupakan hasil kerjasama pelbagai pihak terlibat sepanjang 4 tahun projek ini berjalan.
10. Pada 3 Mei 2019 yang lalu, kita berjaya melakar satu lagi pencapaian bidang kejuruteraan dalam Malaysia Book of Records di mana projek ini telah telah berjaya menanam paip pembedungan berdiameter 1800mm dengan jarak melengkung sepanjang 725m menggunakan kaedah *microtunneling* merentasi dari Jalan Dutamas, Balakong, Selangor menyeberangi Lebuhraya SILK hingga ke Jalan Cheras Jaya 3. Pasukan tenaga kerja tempatan ini telah berjaya menyiapkan kerja tersebut dalam masa 4 bulan walaupun terpaksa merentasi lapisan batuan keras sejauh 200 meter.

11. Dan pada hari yang bersejarah ini, kita berkumpul sekali lagi di sini bagi menyaksikan ketersediaan operasi loji ini pada 20-30 tahun yang akan datang. Difahami bahawa aliran kumbahan yang disalurkan ke dalam sistem rawatan hari ini adalah sebanyak 60,000 PE dan ianya akan meningkat dari masa ke masa sehingga penuh kapasiti loji ini pada 920,000 PE.
  
12. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, pihak MMC PLSB, dan agensi-agensi yang sama-sama bertungkus lumus menyiapkan loji ini. Maka dengan ini saya dengan rasa bangga merasmikan Majlis Aliran Kumbahan Pertama di Loji Rawatan Berpusat Langat.

Sekian, Terima Kasih.